

# Makan masa untuk atasi pengganasan

## Kan Seng: Tidak mudah hurai soal individu terpengaruh sendiri

Oleh HISHAM HAMBARI

mhisham@sph.com.sg

ANCAMAN pengganasan dan masalah terpengaruh secara sendiri fahaman radikal di Internet akan kekal buat jangka masa panjang, kata Timbalan Perdana Menteri, Encik Wong Kan Seng.

Memberi contoh kes peguam Abdul Basheer Abdul Kader, Encik Wong menegaskan

kan masalah individu terpengaruh secara sendiri itu bukan satu perkara yang mudah diselesaikan.

Oleh itu, Singapura perlu terus berjaga-jaga, sambil terus mengekalkan keharmonian kaum dan agama, kata Encik Wong, yang juga Menteri Ehsan Dalam Negeri.

Beliau berkata demikian dalam satu sesi dialog mengenai pengganasan antara-

bangsa anjuran Kumpulan Keyakinan Antara Kaum dan Agama (IRCC) Bishan East, di Kelab Masyarakat Bishan, semalam.

"Masalah individu terpengaruh secara sendiri dengan fahaman radikal di Internet bukan mudah diselesaikan. Itulah sebabnya kita perlu berwaspada dalam menangani isu ini.

"Di Singapura antara

tiang utama bagi kestabilan sosial dan pembangunan ekonomi kita adalah keharmonian kaum dan agama," kata beliau dalam sesi yang dihadiri sekitar 200 orang, termasuk pelajar.

Semasa menjawab pertanyaan mengenai pelan bertindak yang akan dilaksanakan sekiranya Singapura diserang pengganasan, Encik Wong berkata tindakan akan diambil

di pelbagai peringkat, termasuk pemerintah, agensi pemerintah, masyarakat dan juga badan-badan agama.

"Kami sedang mula melaksanakan semua rancangan itu, tetapi belum menguji kesemuanya. Kami kini melaksanakan persiapan di peringkat kelompok tertentu. Dengan persiapan ini, kami harap akan lebih bersedia sebelum berlaku sebarang kejadian," kata beliau.

Pengerusi Eksekutif Masjid An-Nahdhah, Encik Atan Noor, dan penyelidik isu peng-

ganasan, Ustaz Mohamed Ali, turut membust penyampaian dalam sesi itu.

Ustaz Mohamed berkata pelbagai pendekatan, dengan pihak masyarakat memainkan peranan utama, perlu diambil demi mengekang masalah individu terpengaruh secara sendiri oleh fahaman radikal di Internet.

"Ini kerana sebarang ideologi ekstremis melalui media baru lebih sukar dikesan dan dikendalikan dan sebenarnya medan perangnya adalah di dalam minda anak-anak muda kita," ujarnya.